

Pusat Komuniti Kebun-Kebun Bangsar

# Pengerusi kelab minta kerja berkebun dibenarkan

**Lesen Pendudukan Sementara dimohon semula kepada PTG Wilayah Persekutuan**


Oleh Suzalina Halid dan Awatif Hasani  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Pusat Komuniti Kebun-Kebun Bangsar akan memohon semula Lesen Pendudukan Sementara bagi maksud nurseri kepada Pejabat Pengarah Tanah dan Galian (PTG) Wilayah Persekutuan.

Pengerusi Kelab Kebun Bandar, Ng Sek San, berkata pihaknya mahu kerja komuniti yang dilakukan di kawasan tanah milik kerajaan itu sah, berikutan ia dilaksanakan bagi tujuan penjagaan ekosistem, kepelbagaiannya bio dan pendidikan kepada anak muda.

“Kita ada memohon Lesen Pendudukan Sementara pada 2020, namun tidak diluluskan, tiga bulan lalu.

“Kita akan membuat permohonan semula dan kita mahu be-



Pusat Komuniti Kebun-Kebun Bangsar dibangunkan di kawasan seluas kira-kira 3.2 hektar membabitkan pelbagai tanaman.

(Foto Rohanis Shukri/BH)

kerjasama dengan pihak berkua-  
sa supaya dibenarkan untuk ter-  
rus melakukan kerja kebun di  
sini kerana kita bukan mencuri,”  
katanya kepada BH, di sini.

Sebelum ini, tular di laman so-  
cial berhubung notis pemberita-  
han mengosongkan tapak di Lor-  
rong Bukit Pantai 4, di Bangsar  
yang dibangunkan projek perta-  
nian.

Susulan itu, Pengarah PTG Wi-  
layah Persekutuan, Datuk Mu-  
hammad Yasir menjelaskan ber-  
laku pelanggaran syarat Lesen  
Pendudukan Sementara (TOL)

bagi maksud nurseri di kebun  
berkenaan sehingga menyebab-  
kan notis pengosongan terpaksa  
dikeluarkan.

Sek San berkata, projek komu-  
nititi itu dibangunkan di kawasan  
seluas kira-kira 3.2 hektar mem-  
babitkan tanaman pelbagai jenis  
buah-buahan dan sayur-sayuran  
antaranya betik, pisang, kubis,  
cili, bendi dan terung.

Beliau berkata, kawasan yang  
menempatkan kira-kira 30 pel-  
bagai jenis spesies haiwan dan  
serangga itu juga dilaksanakan  
bukan bagi maksud keuntungan,

tetapi bagi tujuan pendidikan,  
membina ekosistem dan mem-  
bantu masyarakat miskin.

“Setiap minggu kita dapat  
menghasilkan 20 kilogram sayur-  
sayuran yang diagihkan kepada orang  
miskin dan pelarian.

“Kita turut mempunyai hingga  
500 ahli sukarela termasuk 40  
yang aktif dalam mengendalikan  
projek terbabit,” katanya.

Beliau berkata, pihaknya juga  
hairan berikutan antara alasan  
pengosongan dibuat kerana adu-  
an daripada penduduk sedang-  
kan projek itu mendapat soko-

‘‘Kita akan membuat  
permohonan semula  
dan kita mahu  
bekerjasama dengan  
pihak berkua-  
sa supaya  
dibenarkan untuk  
terus melakukan kerja  
kebun di sini kerana  
kita bukan  
mencuri’’

**Ng Sek San,  
Pengerusi  
Kelab Kebun  
Bandar**



ngan daripada kejiran-an.

Katanya, ekoran notis pengo-  
songan itu mereka terpaksa  
memberhentikan sementara ker-  
ja yang biasa dilakukan.

Sementara itu, Sek San ber-  
kata, pihaknya akan terus men-  
jalankan kebun komuniti itu wa-  
laupun notis pengusiran sudah  
dikeluarkan PTG Wilayah Per-  
sekutuan yang membolehkan  
mereka dipenjara atau didenda  
sehingga RM500,000 jika mengi-  
ngkar arahan.

Beliau berkata, aktiviti kebun  
berjalan seperti biasa sehingga-  
lah pihak berkua-  
sa datang mem-  
bat pengusiran di kebun itu.

“Saya tidak menyedari lesen  
TOL yang diberikan kepada ke-  
bun terbabit pada 2016 luput pada  
2018.

“Saya juga menafikan kami  
ada membina struktur haram se-  
erti didakwa DBKL dalam notis  
dihantar, malah setiap dua bulan  
mereka datang memeriksa kami  
di kebun dan melihat sendiri ak-  
tiviti di sini,” katanya.